

DATE: 22/10/2010

Usaha tukar Perlembagaan Persekutuan boleh cetus ketegangan kaum Tidak boleh dipertikaikan

UM - 22/10/2010

KUALA LUMPUR 21 Okt. – Sebarang usaha untuk menukar Perlembagaan Persekutuan semata-mata bagi memenuhi kepentingan pihak tertentu, akan hanya menyebabkan berlakunya ketegangan antara kaum di negara ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan baik oleh para pemimpin terdahulu bagi memastikan rakyat hidup dengan makmur.

“Para pemimpin sebelum kemerdekaan telah mempunyai formula tersebut dan ia bekerja dengan baik lebih 50 tahun lalu,” katanya mengulas ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak pada perasmian Perhimpunan Agung UMNO Ke-61 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Bekas Presiden UMNO itu berkata, semasa menerajui parti tersebut, beliau ada menyentuh mengenai perkara itu tetapi kali ini ditegaskan sekali lagi oleh Najib supaya semua kaum menggunakan peluang-peluang yang ada untuk meningkatkan keupayaan kedudukan mereka.

Sebab itulah, katanya, Najib mengingatkan semua pihak tentang sejarah perjanjian yang telah dimeterai bagi pembentukan Perlembagaan dan dipatuhi sejak awal kemerdekaan negara.

Dr. Mahathir berkata, terdapat perkara tertentu yang ramai tidak mengetahui seperti Perlembagaan tidak boleh dipinda tanpa persetujuan da-



TUN Abdullah Áhmad Badawi bersalaman dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa menghadiri perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2010 di Dewan Merdeka PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

ripada Majlis Raja-Raja Melayu.

Menurut beliau, ucapan Presiden UMNO itu cukup bersemangat dan tepat pada masanya dalam mene-

rangkan keadaan sebenar kepada rakyat.

“Mereka tidak berapa faham beberapa isi kandungan Perlembagaan

iaitu apa yang boleh dan dilarang.

“Ucapan beliau menyentuh orang Melayu yang perlu sedar kedudukan mereka dan perlu berusaha men-

jayakan diri untuk berjaya. Ia satu gesaan yang amat penting dan perlu dihayati oleh orang Melayu,” katanya.